

25 JANUARI 2021 ( ISNIN )

### UMP bangunkan studio inovasi PdP

**Kuantan:** Bagi melahirkan graduan berkualiti dalam norma baharu ketika berdepan pandemik COVID-19, Universiti Malaysia Pahang (UMP) mengambil inisiatif menghasilkan sebuah studio berinovasi.

Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Eletronik (FTKEE), Prof Madya Dr Hamdan Daniyal, berkata inisiatif itu untuk memastikan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian lebih menarik dan interaktif.

Katanya, studio berkenaan dilengkapi pelbagai kemudahan seperti layar hijau, tablet dan kamera berkualiti tinggi seiring corak pendidikan yang fleksibel dan transformasi digital dalam PdP.

"Kajian membangunkan studio ini dimulakan dengan membebaskan beberapa pensyarah dan staf teknikal sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pertama pada 18 Mac tahun lalu.

"Pensyarah sendiri berdepan

masalah untuk menyampaikan pengajaran membabitkan subjek teknikal, terutama program kejuruteraan.


"Dengan adanya studio ini, pelajar seolah-olah berada secara bersama-sama dengan penyampaian yang lebih interaktif," katanya dalam kenyataan, semalam.

Hamdan berkata, sejak Mei hingga November tahun lalu, FTKEE menghasilkan lebih 800 video bagi kegunaan PdP.

"Saya akui proses yang dilalui sangat mencabar kerana dalam norma baharu, pembelajaran menuntut pensyarah untuk mendiami pelbagai ilmu dan kemahiran.

"Ilmu rakaman video, animasi, kemahiran bercakap di depan kamera sambil mengekalkan hubungan mata.

"Proses pembelajaran menuntut komitmen lebih besar daripada pensyarah dan lebih utama ialah dalam kalangan pelajar," katanya.



Hamdan menunjukkan penggunaan studio dibangunkan UMP untuk PdP.  
(Foto ihsan UMP)